

# Tanah jerlus tak jejas harga hartanah di Kuala Lumpur

**Kuala Lumpur:** Insiden tanah jerlus atau lubang benam di Masjid India, Ogos lalu tidak memberi impak kepada penjualan dan nilai hartanah di ibu negara.

Timbalan Setiausaha Agung Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (Rehda), Carrie Fong Kah Wai berkata, pihaknya tidak melihat insiden itu menjejaskan hartanah di ibu negara.

“Tidak (kesan). Setakat ini, harga dan penjualan seperti biasa dan kita tidak nampak apa-apa impak daripada insiden itu.

“Hanya satu lokasi (Masjid India), malah Dewan

Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengesahkan Kuala Lumpur selamat.

“Tiada siapa mahu insiden seperti ini berlaku, tetapi lubang benam ini, bukan hanya di sini (Masjid India), di Korea Selatan pun ada apabila kereta terjerumus masuk dalam lubang benam di lebuh raya,” katanya.

Beliau mengulas sama ada insiden lubang benam yang berlaku Ogos lalu, memberi impak kepada penjualan dan nilai hartanah di ibu negara.

Mengulas lanjut, Carrie berkata, pihaknya sentiasa memantau dan bekerjasama rapat dengan pihak

**“Hanya satu lokasi (Masjid India), malah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengesahkan Kuala Lumpur selamat”**

*Timbalan Setiausaha Agung Rehda, Carrie Fong Kah Wai*

berkuasa tempatan (PBT) seperti DBKL untuk memastikan keselamatan menjadi keutamaan dalam pembangunan.

“Aspek keselamatan



pasti menjadi keutamaan kita dalam apa jua pembinaan. Sebelum membangunkan sesuatu projek, kita kerap membuat kajian terperinci merangkumi

semua aspek termasuk keadaan tanah sama ada ia sesuai untuk menampung pembangunan mahupun tidak serta pelbagai perkara lain.

“Ini semua penting untuk tindakan selanjutnya supaya kita dapat membuat langkah pencegahan lebih awal seperti memperkukuhkan asas tapak projek seperti buat *piling* mahupun *foundation*.

“Macam bangunan Menara Merdeka 118 juga ada sistem kalis gempa walaupun negara kita tiada bencana ini, tetapi ia antara langkah pencegahan penting yang wajar dilaksanakan,” katanya.

Pada 23 Ogos lalu, seorang wanita warga India dilaporkan terjatuh dalam lubang benam sedalam lapan meter di Masjid India sehingga usaha mencari dan menyelamatkan (SAR) besar-besaran dilakukan.

Susulan itu, tular video mengenai Kuala Lumpur tidak selamat dengan pakar geologi mendakwa, beberapa kawasan di ibu negara berisiko mengalami lubang benam.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif dilaporkan berkata, dakwaan itu perlu disokong dengan bukti dan kajian terperinci.